## PERATURAN PEMARKAHAN

<table>
<tr><td>1 (a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sunnatullah:<br>Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk / (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Sebab kemusnahan kaum berikut:<br>a) Kaum Thamud (umat Nabi Soleh a.s):<br>Bersifat angkuh (1m) dan menuduh Nabi Soleh a.s pendusta (1m).<br>b) Kaum Luth (umat Nabi Luth a.s):<br>Ingkar perintah Allah SWT (1m) dengan mengamalkan homoseks (1m).</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Tidak mudah berputus asa.<br>- Yakin dengan ketentuan Allah SWT.<br>- Sabar dan tabah menghadapi ujian Allah SWT.<br>- Berazam dan berusaha dengan bersungguh-sungguh.<br>- Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah-kisah terdahulu.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua tanggungjawab pekerja terhadap majikan:<br>- Mengikut arahan ketua.<br>- Bekerja dengan penuh integriti.<br>- Melaksanakan tugas dengan sempurnanya.<br>- Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Pengajaran daripada hadis di atas:<br>
- Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin / (1m) yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak (1m).<br>
- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang dipimpin / (1m) dengan adilnya dan amanah (1m).<br>
- Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga / (1m) agar selamat di dunia dan di akhirat (1m).<br>
- Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumah tangga / (1m) agar kekal harmoni (1m).<br>
- Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan / (1m) supaya rezeki diberkati (1m).<br>
- Kita hendaklah berbakti kepada ibu bapa semasa mereka hidup atau setelah meninggal dunia / (1m) kerana jasa mereka tidak terbalas (1m).<br>
- Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam segala aspek kepimpinan / (1m) kerana baginda ialah contoh ikutan yang terbaik (1m).<br>
Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>1 isi x 2m<br>= 2m<br><br>Isi<br>1m<br><br>Huraian<br>1m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
- Lemah iman.<br>
- Kurang ilmu agama.<br>
- Tidak menghayati ajaran agama.<br>
- Terpengaruh dengan hawa nafsu.</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td>(c)</td>
<td></td>
<td>Dua jenis ibtida’:<br>
- Ibtida’ Hassan<br>
- Ibtida’ Qabih</td>
<td>2 isi x 1m<br>= 2m</td>
</tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>2 (a)</td><td>(i)</td><td>Dua perkara tersebut:<br>- Al-Quran.<br>- Al-Sunnah.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah:<br>- Mengaku menjadi Nabi dan Rasul.<br>- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.<br>- Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin.<br>- Mendakwa diri dan gurunya sebagai imam Al-Mahdi.<br>- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.<br>- Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Akidah umat Islam akan terpesong.<br>- Berlaku perpecahan dan perbalahan.<br>- Kekeliruan dalam kalangan masyarakat.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud Khawarij:<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abi Talib r.a yang berpaling tadah / (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan majlis tahkim (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah:<br>- Jawatan khalifah atau Imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali r.a telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan majlis tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>- Berikitikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa dan kafir.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Mengajak ke majlis ilmu.<br>- Menasihatinya / menegurnya.<br>- Melaporkan pada pihak berkuasa.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>3 (a)</td><td>(i)</td><td>Pengertian solat sunat Duha:<br>Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari / (1m) selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Hukum menunaikan solat sunat Duha:<br>- Sunat Muakkad<br>Catatan: Jika calon menjawab sunat sahaja 0 markah.</td><td>1 isi x 1m<br>= 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Kaifiat menunaikan solat sunat Duha:<br>- Lafaz niat: Sahaja aku solat Sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Taala.<br>- Bilangan rakaat: 2, 4, 6 atau 8 rakaat.<br>- Cara pelaksanaan: digalakkan secara bersendirian.<br>- Bacaan dalam solat:<br>Rakaat pertama Surah al Fatihah, Surah Al-Syams atau surah lain.<br>Rakaat kedua Surah Al fatihah, Surah Al-Dhuha atau surah lain.<br>- Menyempurnakan rukun-rukun solat yang lain.</td><td>3 isi x 1m<br>= 3m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| (*b*) | (i) | **Dua** tanggungjawab bersama suami isteri dari aspek akhlak:<br>- Menunjukkan akhlak yang mulia / (1m) agar menjadi contoh (1m).<br>- Menyemai sikap kasih sayang / (1m) sesama anggota keluarga (1m).<br>- Bekerjasama / (1m) melakukan urusan rumahtangga (1m).<br>- menegur anggota keluarga / (1m) yang melakukan kemungkaran (1m).<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (ii) | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** — **Skor**<br>Tajuk infografik. — 1m<br>Perbandingan: Umur tertinggi dan umur terendah. — 1m<br>Pandangan tentang kes perceraian. — 1m<br>Cadangan penyelesaian. — 1m<br><br>Contoh jawapan :<br>Infografik di atas menjelaskan tentang bilangan kes perceraian dalam kalangan lelaki dan wanita Islam di Malaysia mengikut kumpulan umur pada tahun 2022. Kumpulan umur 30-34 tahun mencapai bilangan perceraian tertinggi berbanding kumpulan umur 55-59 tahun. Hal ini kerana tahap kesedaran tentang tanggungjawab dalam keluarga masih rendah. Oleh itu kita hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu perkahwinan agar keluarga terus bahagia hingga ke syurga. | 4m<br><br>**KBAT ANALISIS**<br>. |
| (*c*) | (i) | **Dua** jenis kesalahan di bawah kesalahan *qisas*:<br>- Pembunuhan.<br>- Perbuatan yang membawa kecederaan. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (ii) | **Dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam:<br>- Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia / (1m) agar hidup sejahtera (1m).<br>- Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian / (1m) bagi masyarakat dan negara (1m).<br>- Mendidik dan menghukum / (1m) bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan supaya mendapat keampunan Allah swt (1m). | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi<br>1m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Merancakkan pertumbuhan ekonomi / (1m) tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian (1m).<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | Huraian 1m |
| | | | |
| 4 (*a*) | (i) | **Dua** fakta sejarah kerajaan Islam Umaiyyah:<br>- Asal Penubuhan: Bersempena nama Umaiyah Abdu Syamsi Bin Abdu Manaf.<br>- Pengasas : Muawiyah bin Abi Sufian.<br>- Tempoh: Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah / 91 tahun.<br>- Keluasan kerajaan: Meliputi sebahagian besar benua Afrika / Asia / Eropah.<br>- Bilangan khalifah: 14 orang Khalifah.<br>- Khalifah terkenal: Muawiyah bin Abi Sufian / Abdul Malik bin Marwan / Al-Walid bin Abdul Malik / Umar bin Abdul Aziz.<br>- Khalifah pertama: Muawiyah bin Abi Sufian.<br>- Khalifah terakhir: Marwan bin Muhammad.<br>- Pusat pemerintahan: Damsyik, Syria. | 2 isi x 1m = 2m |
| | (ii) | Iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah:<br>Sebagai umat Islam,<br>- Kita hendaklah memartabatkan al-Quran dan As-Sunnah / (1m) dalam urusan kepimpinan (1m).<br>- Kita hendaklah menjaga hubungan baik / (1m) antara pemimpin dengan rakyat (1m).<br>- Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia / (1m) yang ada pada khalifah Islam (1m).<br>- Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama sesama rakan / (1m) demi mengeratkan kasih sayang (1m).<br>- Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan / (1m) demi membangunkan Islam (1m).<br>- Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi / (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara (1m).<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m<br><br>Isi 1m<br><br>Huraian 1m |

<table>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Kemunduran pembangunan negara.<br>- Peningkatan jurang sosial dan ekonomi.<br>- Rakyat hilang kepercayaan kepada pemimpin.<br>- Kemerosotan nilai moral dan integriti dalam masyarakat.<br>- Ancaman terhadap keselamatan dan perpaduan negara.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah:<br>- Bursa<br>- Edirne<br>- Sogut<br>- Istanbul</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah dari aspek ketenteraan:<br>- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera / (1m) demi mempertahanakan agama dan negara (1m).<br>- Menjaga kebajikan tentera / (1m) dengan menyelaras sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m<br><br>Isi<br>1m<br><br>Huraian<br>1m</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Imam Syafii:<br>Nama penuh: Muhammad bin Idris As-Syafie.<br>Tarikh lahir: Tahun 150 Hijrah di Ghazza.<br>Tarikh Wafat: 204 Hijrah.<br>Kuniyyah: Abu Abdullah.<br>Keperibadian:<br>- Sanggup tinggal dengan kaum arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan arab.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.<br>- Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak syiah.<br>- Sangat pemurah kepada fakir miskin.<br>- Tinggi sifat warak dan kuat beribadat.<br>Antara guru yang tersohor:<br>- Imam Malik bin Anas.<br>- Sufian bin Uyainah.<br>- Muslim Khalid az-Zanji.<br><br>Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim:<br>Nama penuh: Ahmad bin Muhammad Ibrahim.<br>Tarikh lahir: 15 Mei 1916.<br>Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999.<br>Gelaran: Professor Emeritus Tan Sri Doktor.<br>Pekerjaan:<br>- Pensyarah Kuliah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa.<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah.<br>Tahap pendidikan:<br>- Victoria Bridges School, Singapura.<br>- Raffles College, Singapura.<br>Ketinggian akhlak: Suka menyebarkan ilmu / menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. | |
| | (ii) | Dua sumbangan Imam Syafie:<br>- Hasil karya: ar-Risalah / al-Umm / al-Musnad.<br>- Mengasaskan mazhab berdasarkan: Ijmak / Qias / Istidlal.<br>- Murid yang terkenal: Ahmad bin Hanbal / Abu Ya'kub Yusuf Bin yahya al-Buaiti / Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni.<br>- Mazhab Syafie tersebar: Di Mesir / Iraq / Farsi / Syria / Malaysia / Indonesia / Brunei / Pakistan / India / China.<br><br>Dua sumbangan Profesof Dr. Ahmad bin Ibrahim:<br>- Hakim Mahkamah Rayuan.<br>- Hakim Mahkamah Syariah.<br>- Anggota panel Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan.<br>- Hasil karya : Buku undang-undang keluarga Islam di Malaysia / Family Law in Malaysia. | 2 isi x 1m<br>= 2m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (iii) | Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi:<br>- Menghormati guru dan memuliakan ilmu.<br>- Berusaha menuntut ilmu tanpa mengenal penat lelah.<br>- Mengembara untuk menambah ilmu dan pengalaman.<br>- Melazimi doa agar diberi kefahaman dan keberkatan ilmu.<br>- Bersungguh-sungguh memahami dan menghafaz ilmu yang dipelajari.<br>- Mengamalkan ilmu dalam kehidupan seharian untuk manfaat diri dan masyarakat. | 4m |
| | | | |
| 5 (*a*) | (i) | Maksud *khauf* ialah:<br>Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT / (1m) dengan menjauhi segala larangan-Nya (1m). | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (ii) | Contoh *khauf* dan *raja'* yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:<br>- Rasulullah SAW mendirikan solat gerhana matahari dengan khusyuk / (1m) dan pada sujud terakhir baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab (1m).<br>- Rasulullah SAW menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar dan bertanya tentang perasaannya ketika itu. Lelaki itu memberitahu bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah SWT / (1m) dan berasa takut akan dosa-dosanya yang pernah dilakukan (1m). | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (iii) | Hikmah *khauf* dan *raja':*<br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT / (1m) dalam setiap keadaan (1m). | 1 isi x 2m<br>= 2m |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>- Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan / (1m) kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap perbuatannya (1m).<br>- Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT / (1m) kerana takut akan kemurkaaNnya (1m).<br>- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan / (1m) supaya mendapat kemanisan iman (1m).<br>- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakkal kepada Allah SWT / (1m) setelah berusaha bersungguh-sungguh (1m).<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>Isi<br>1m<br><br>Huraian<br>1m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(iv)</td>
<td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan.<br>- Mengharapkan keredaan Allah SWT dengan melakukan amal ibadat.<br>- Berasa takut kepada Allah SWT dengan tindakan yang selaras dengan syarak.<br>- Sentiasa bersedekah kepada orang susah dan berasa sedih apabila melihat keadaan mereka.</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td>(b)</td>
<td>(i)</td>
<td>Maksud alam sekitar:<br>Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.</td>
<td>1 isi x 2m<br>= 2m</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksana:<br>- Membuang sampah ditempat yang telah disediakan.<br>- Menjaga kebersihan alam sekitar dengan menyertai aktiviti gotong royong.<br>- Mengurangkan penggunaan plastik untuk memelihara alam.<br>- Sentiasa mengamalkan amalan kitar semula.<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Cadangan isi:<br>- Tiada penguatkuasaan yang konsisten / (1m) daripada pihak berkuasa seperti Jabatan Perhutanan Negeri (1m).<br>- Sifat tamak untuk mencari keuntungan / (1m) dengan cara yang mudah (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m<br><br>KBAT 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi:<br>- Pemanasan global.<br>- Hakisan tanah yang serius.<br>- Habitat tumbuhan dan haiwan terancam.</td><td>4m</td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

©2025 Jabatan Pendidikan Negeri Melaka